4 Hantar



1. Sila taip **maklumat tambahan kecemasan** atau **lokasi kecemasan** di ruang yang disediakan.
2. **Muat naik** gambar insiden atau rakam suara anda jika perlu.
3. Klik **Hantar**.
4. **Jika tiada sambungan internet**, laporan kecemasan akan dihantar melalui **SMS secara automatik**.

5 Tunggu bantuan

Bantuan akan dihantar ke lokasi anda dengan secepat mungkin.

Rujuk laman sesawang **www.999.gov.my**

JENIS-JENIS KECEMASAN

- Bahan Kimia (HAZMAT)
- Bantuan Kemanusiaan (contoh : haiwan liar, pokok tumbang dan sebagainya)
- Bantuan Khas (contoh : bencana alam)
- Jenayah
- Kebakaran
- Kecemasan Dan Penguatkuasaan Di Laut
- Kemalangan
- Mencari Dan Menyelamat
- Perubatan

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Untuk OKU Penglihatan

—MERS 999—
BANTUAN KECEMASAN KINI LEBIH MUDAH

999 TALIAN KECEMASAN NEGARA

Cari '**SaveME 999 BLIND**' dan muat turun sekarang

Google play

PENGGUNAAN SaveME 999 BLIND

1 Muat Turun Aplikasi

999 TALIAN KECEMASAN NEGARA

Muat turun aplikasi **SaveME 999 BLIND** secara **PERCUMA** melalui kedai aplikasi **(Google Play Store & Apple App Store)** telefon pintar anda.

2 Aktifkan Aplikasi

1. **Aktifkan fungsi *VoiceOver and TalkBack*** pada Tetapan di telefon pintar anda terlebih dahulu.
2. **Aktifkan** aplikasi dengan menyentuh **IKON SaveME 999 BLIND** pada telefon pintar anda.
3. Bagi **pengguna pertama kali**, anda perlu mendengar atau membaca dan menerima **terma & syarat** pengguna aplikasi.
4. Masukkan **maklumat peribadi anda** dan pastikan **nombor telefon** yang diberikan adalah sahih dan betul. Tekan "**Save Profile**".
5. **Kod Pengesahan** akan dihantar melalui SMS ke telefon pintar anda. **Masukkan kod** tersebut untuk **menyimpan maklumat profil** anda dan seterusnya membolehkan anda **menggunakan aplikasi**.

3 Pilih Jenis Kecemasan

Pilih jenis kecemasan.

APLIKASI SaveME 999 BLIND

Muat turun aplikasi **SaveME 999 BLIND** secara **PERCUMA** sekarang.

Aplikasi ini boleh digunakan untuk mendapatkan bantuan sekiranya berlaku kecemasan.

Dengan menekan butang **SaveME 999 BLIND**, anda akan dihubungkan kepada agensi kecemasan yang berkaitan berdasarkan jenis kecemasan yang anda pilih.

Aplikasi ini adalah **PERCUMA** dan meliputi seluruh negara.

SaveME 999 BLIND

OKU

Aplikasi ini dapat membantu **Orang Kurang Upaya (OKU)** yang mempunyai masalah penglihatan untuk menghubungi 999 jika berlaku sebarang kecemasan.

Ia adalah aplikasi mesra pengguna **OKU** yang dibangunkan sebagai Perkhidmatan Aplikasi Dikehendaki *(Required Application Services)* di bawah Pelaksanaan Projek MERS 999.

CIRI-CIRI TAMBAHAN

Agensi-Agensi Kecemasan (dalam lingkungan 10 km)
Senarai agensi-agensi kecemasan yang berada dalam **lingkungan 10 km** dari lokasi anda.

Kecemasan Berdekatan (dalam lingkungan 5 km)
Kes kecemasan yang sedang berlaku dalam **lingkungan 5 km** dari lokasi anda.

Butang 'Where Am I'
Klik butang **'Where Am I'** dan aplikasi **SaveME 999 Blind** akan membacakan alamat lokasi anda.

Rakaman Suara *(Voice Recording)*
Anda boleh **merakam suara** (tempoh maksimum 30 saat) dan menghantarnya untuk meminta bantuan kecemasan.

Pilihan Warna
Anda boleh **menukar warna aplikasi SaveME 999 BLIND** mengikut kesesuaian **(7 pilihan warna)**.

Jika berlaku kecemasan, anda boleh mengaktifkan aplikasi ini dengan menekan butang **'Jenis Kecemasan'** pada aplikasi.

Sistem akan menghantar maklumat kecemasan kepada agensi kecemasan yang berkaitan untuk tindakan segera.

GUNAKANNYA UNTUK KECEMASAN SAHAJA!

Penggunaan aplikasi ini oleh golongan OKU bergantung sepenuhnya kepada data OKU yang diberikan oleh JKMM kepada pihak MERS 999. Kami memohon maaf sekiranya anda tidak dapat menggunakan aplikasi ini kerana ketiadaan data OKU anda di dalam sistem kami.

Maklumat peribadi anda perlu didaftarkan semasa pemasangan dan pengaktifan aplikasi SaveME 999 BLIND.

SOALAN LAZIM

Apakah jenis telefon pintar yang menyokong aplikasi SaveME 999 BLIND?
Telefon pintar yang berasaskan sistem:
- Android – versi 2.2 ke atas
- iOS – versi 5 ke atas

Apakah keperluan bagi aplikasi ini?
Telefon pintar yang mempunyai:
- Sistem GPS
- Pelan data dari pembekal selular

Adakah aplikasi SaveME 999 BLIND dikenakan caj atau yuran langganan?
Tidak. Aplikasi ini adalah PERCUMA.